

Headline	Tubuh jawatankuasa khas pantau projek		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Dim Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	252 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,981
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,942



# Tubuh jawatankuasa khas pantau projek

■ KUALA LUMPUR 14 MAC

**K**ERAJAAN digesa menubuhkan jawatankuasa khas di Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji, meneliti dan memantau pelaksanaan projek-projek yang diumumkan kerajaan.

Cadangan itu disarankan oleh **Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (BN-Tanah Merah)** yang menzahirkan kebimbangan terhadap perancangan kerajaan yang kadang kala tergugat atau tergendala apabila tiba di peringkat pelaksanaan.

Katanya, langkah itu juga bagi mengelakkan rakyat memandang serong terhadap usaha kerajaan meningkatkan dan mensejahterakan kehidupan mereka selain mewujudkan persepsi pengumuman kerajaan berhubung pelaksanaan sesuatu projek hanyalah retorik.

Beliau turut menjadikan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Tanah Merah yang telah siap dibina sebagai contoh kerana sehingga kini, ia masih belum beroperasi sekali gus membantutkan usaha kerajaan menarik lebih ramai belia dalam bidang kemahiran.

“Penubuhan jawatankuasa ini tidak boleh lagi sekadar janji tetapi perlu benar-benar dilaksanakan bagi mengelakkan rakyat menganggap kerajaan hanya bijak menabur janji.

“Apa yang dibimbangkan ialah

jika sesuatu projek tidak dijalankan sedangkan pengumuman sudah dibuat, ia akan menyebabkan rakyat beranggapan kerajaan tidak serius dalam membela nasib mereka,” katanya ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Ikmal Hisham turut menampelak **Rafizi Ramli (PKR-Pandan)** yang dilihat suka

memainkan politik persepsi dengan melemparkan tuduhan tetapi hanya mendiamkan diri apabila penjelasan diberikan oleh kerajaan.

Beliau juga mengingatkan semua pihak terhadap tindakan Rafizi yang menyerang Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sehingga mengakibatkan sebanyak 3,600 pendeposit agensi itu membatalkan pendaftaran haji masing-masing dan terpaksa menunggu giliran selama 70 tahun lagi gara-gara terpedaya dengan hasutan pembangkang.

“Hakikatnya, memperjuangkan keadilan dan ketelusan adalah tanggungjawab semua pihak, tetapi janganlah mengamalkan sikap dwistandard,” jelasnya.

Ikmal Hisham turut mencabar Rafizi membuat teguran atau mendedahkan kepincangan dalam pentadbiran kerajaan DAP Pulau Pinang dan kerajaan PKR Selangor bagi membuktikan dirinya seorang

‘pejuang ketelusan’ yang tulen.



**Penubuhan jawatankuasa ini tidak boleh lagi sekadar janji tetapi perlu benar-benar dilaksanakan bagi mengelakkan rakyat menganggap kerajaan hanya bijak menabur janji.”**

**IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ**  
Ahli Parlimen Tanah Merah

